# EXIT AND ENTRY SYSTEM (EES) USER GUIDE
# PANDUAN PENGGUNA SISTEM KELUAR DAN MASUK

**Langkah Pertama:**

Layari portal EES di https://login.bdnsw.gov.bn/ees




**Langkah ke 2:**

1. Bagi Pendaftaran Baru, tekan Daftar di sini/Register Here untuk membuat akaun pengguna.
2. Tekan Pengaktifan Akaun/Account Activation untuk memasukkan OTP yang diterima melalui emel setelah pendaftaran dibuat.
3. Masukkan ID Pengguna (alamat email yang telah ddaftarkan) dan kata laluan didalam ruangan yang disediakan kemudian tekan **Log Masuk / Login** untuk membuat pas perjalanan.




**Langkah ke 2.1 (bagi pendaftaran akaun pengguna/for account registration):**

1. Masukkan alamat emel yang sah untuk membuat ID Pengguna kemudian tekan punat Create Account untuk meneruskan Pendaftaran akaun
2. Seterusnya lengkapkan keterangan penguna didalam ruang yang disediakan. Pastikan keterangan seperti nama penuh, warganegara dan tarikh lahir adalah seperti yang tertera didalam paspot.
3. Masukkan kata laluan dan sahkan kata laluan di dalam ruang Buat Kata Laluan/ Create Password. Kata laluan yang dibuat akan digunakan untuk mengakses aplikasi EES.
4. Jawab Soalan Keselamatan / Security Question .
5. Tekan petak pengakuan saya setuju/I agree, kemudian tekan punat **Create Account** untuk mendapatkan One-Time Password (OTP) bagi mengaktifkan akaun pengguna.




**Langkah ke 2.2 (bagi pendaftaran akaun pengguna/for account registration):**

1. Pemohon akan menerima OTP melalui alamat emel yang didaftarkan, OTP yang diterima hendaklah dimasukkan kedalam ruangan OTP.
2. Kemudian tekan punat **CONFIRM** untuk mengaktifkan akaun yang didaftarkan.



**Langkah ke 3 (Permohonan Pas Perjalanan):**

1. Tekan New Application untuk membuat permohonan Pas Perjalanan
2. Pilih Kaedah Perjalanan/Mode Traveling dan Jenis Perjalanan/Type of Traveling bagi perkiraan perjalan pulang balik atau satu-hala.
3. Tekan petak Pemilik kenderaan sebagai pejalan/Vehicle owner traveling jika pemilik kenderaan menyertai perjalanan.
4. Pilih Pos Kawalan keluar/masuk/Control Post for Exit/Entry yang akan dilalui, tekan untuk rujukan kadar bayaran perjalanan.
5. Lengkapkan Keterangan Pemohon seperti No. Paspot / Passport no., Tarikh Mansuh Paspot / Passport Expiry Date, Negara Pengeluar Paspot / Passport Issuing Country
6. Jika pemohon adalah pemandu sila tekan petak Pemohon sebagai pemandu / Applicant As Driver?
7. Tekan punat **CREATE PASS** untuk meneruskan permohonan pas perjalanan.






**Langkah ke 4 (Keterangan Kenderaan / Vehicle Details):**

1. Pilih Negara asal pendaftaran kenderaan dan memasukkan bilangan pendaftaran kenderaan yang akan digunakan
2. Kemudian tekan punat **SEARCH** untuk meneruskan pendaftaran kenderaan
3. Jika kenderaan tidak tersenarai, masukkan No.Enjin/Engine No. dan No.Rangka/Chasis No. dan tekan punat **SEARCH**
4. Bagi kenderaan pendaftaran asing, sila lengkapkan
5. Lengkapkan keterangan paspot pemilik (No. Paspot / Passport No., Tarikh Mansuh Paspot / Passport Expiry Date dan Negara Pengeluar Paspot / Passport Issuing Country).
6. Jika pemilik kenderaan adalah pemandu sila tekan petak Pemohon sebagai pemandu / Applicant As Driver?
7. Tekan kotak saya setuju/I agree dan tekan punat **NEXT** untuk meneruskan permohonan pas perjalanan.








**Langkah ke 5 (Keterangan Perjalanan / Travelling Details):**

1. Isikan <u>No. Paspot/Passport No</u> untuk menambah penumpang jika perlu dan tekan punat **ADD**
2. Lengkapkan <u>Keterangan Pemandu/Penumpang/ Passenger/Driver Details</u> dan tekan punat **ADD TO LIST** untuk memasukkan penumpang/pamandu ke dalam senarai perjalanan.
3. Tekan Next untuk meneruskan membuat permohonan pas perjalanan



**Langkah ke 6 (Pembayaran):**

1. Setelah maklumat perjalanan telah dilengkapkan permohon boleh membuat pembayaran Caj Perkhidmatan (CaP) melalui dalam talian online sama ada pembayaran terus dengan menekan punat **Pay Now** atau menangguhkan pembayaran dengan menekan punat **Pay Later**.
2. Bagi pembayaran terus pemohon akan dibawa ke epayment gateway untuk membuat bayaran secara dalam talian dengan menggunakan kad kredit atau debit.
3. Jika pemohon berhasrat untuk menangguhkan pembayaran tekan punat **Pay Later**. Pemohon akan menerima no rujukan bil dan no rujukan EES melalui emel. Maklumat tersebut boleh digunakan untuk membuat pembayaran secara dalam talian atau melalui kaunter pembayaran bank, menggunakan kad kredit atau debit, atau perkhidmatan pembayaran bil melalui online banking.
4. Untuk membuat pembayaran yang telah ditangguhkan pemohon bolehlah log masuk EES dan tekan punat Get QR bagi pembayaran secara dalam talian menggunakan kad kredit atau debit, atau membuat seperti kaedah pembayaran diatas.
5. Bagi pembayaran menggunakan perkhidmatan pembayaran bil melalui online banking, pemohon hendaklah memilih pembayaran kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan masukan no bilangan bil dan jumlah bayaran CaP.
6. Bagi pembayaran kaunter bank, pemohon hendaklah menyerahkan no rujukan bil kepada juruwang bank. Setelah membuat pembayaran menggunakan perkhidmatan pembayaran bil melalui online banking atau kaunter bank, pemohon hendaklah log masuk semula ke EES dan tekan punat **Get QR**. Masukan no rujukan yang telah dibayar, Kod QR akan dijana dan juga akan dihantar melalui emel.
7. Pemohon hendaklah membuat pembayaran terlebih dahulu sebelum membuat perjalanan keluar dan masuk di pos kawalan darat. Setiap pembayaran tidak boleh dipohonkan bayaran balik atau refund








**Untuk membuat pembayaran yang telah ditangguhkan**

keterangan bill seperti No Rujukan Bill/Bill Reference No. dan No.Rujukan EES/EES Reference No. akan dihantar terus melalui emel yang telah didaftarkan.







**Langkah ke 7 (Mendapatkan kod QR)**

1. setelah pembayaran dibuat, pemohon akan memasukkan no.rujukan EES dan no. rujukan bil kemudian klik punat SEARCH.
2. Sistem EES akan memaparkan Ringkasan Perjalanan dan status pembayaran akan dikemaskini kepada PAID.
3. Untuk mendapatkan kod QR pemohon hendaklah menekan pautan **<u>Mengeluarkan QR & Muat Turun PDF</u>** kemudian tekan punat **Agree** untuk bersetuju dengan *Terma dan Syarat*.
4. Kod QR yang telah dimuat turun boleh diguna secara digital dengan menyimpan kod didalam telepon bimbit atau mencetak kod tersebut untuk diimbas semasa melalui pos-pos kawalan darat Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

*Kod QR juga akan di email kepada pemohon setelah pembayaran dibuat dan dikemaskini.




